



DR Nazamid (tiga dari kanan) bersama Aminuddin (dua dari kiri) pada Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur di Serdang, semalam. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

Salur dana RM800j

Agrobank sasar menyalurkan DPAKM menjelang akhir tahun ini

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**

hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Agrobank menyasarkan untuk menyalurkan semua Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) berjumlah RM800 juta menjelang akhir tahun ini meskipun ia baru diumumkan oleh kerajaan pada Jun lalu.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon, berkata daripada jumlah yang diperuntukkan, dana pembiayaan RM200 juta merangkumi RM100 juta bagi usahawan mikro, RM50 juta bagi usahawan mikro baharu dan RM50 juta bagi usahawan muda telah lebih separuh disalurkan.

"Dana yang selebihnya membabitkan RM300 juta bagi pembiayaan ternakan

ayam; RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta bagi tanaman sayur-sayuran.

"Walaupun dana ini masih banyak, kami yakin mampu menghabiskan semuanya menjelang akhir tahun ini dibantu dengan promosi yang sedang giat kita laksanakan.

"Malah, penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) selama 11 hari berakhir 14 Ogos lalu turut membantu dari segi hebahan dana ini kepada pemohon berpotensi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas me-

lancarkan Program Inkubator Keusahawanan Akuakultur, yang dianjurkan dengan kerjasama bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Dr Nazamid Saari.

Mengenai program inkubator itu, Aminuddin berkata, ia adalah sebuah program berstruktur yang dirangka khas oleh Agrobank Centre of Excellence (ACE) dengan kerjasama Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian UPM bertujuan memberi pendedahan secara praktikal kepada para siswazah berkenaan ilmu keusahawanan dalam bidang akuakultur.

Katanya, selain ilmu tek-

nikal yang diajar oleh pihak UPM, peserta program turut didedahkan dengan ilmu perniagaan, pengurusan kewangan dan ilmu pemasaran sepanjang program ini berlangsung.

"Peserta juga akan dipantau dan dibimbing selama enam bulan oleh Jurulatih Perniagaan yang bertauliah dari ACE bagi memastikan mereka mampu menguruskan perniagaan dan bersaing di pasaran sebenar.

"Mereka turut didedahkan dengan pengetahuan pengurusan risiko dan kaedah menanganinya beserta mendapat bimbingan secara terus menerusi perkongsian pengalaman dari usahawan yang telah berjaya," kata Aminuddin.

Beliau menambah, keunikan program itu bukan sekadar terletak pada struktur dan pengisiannya, malah ia juga sedikit berbeza dari program inkubator keusahawanan yang lain.

“Walaupun dana masih banyak, kami yakin mampu habiskan akhir tahun ini Aminuddin Amenon”